

Sulaiman; Peter minta digugur dari kabinet

UM 12 DEC 1999

KUCHING 11 Dis. — Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud dan Datuk Peter Tinggom anak Kemarau mahu nama mereka digugurkan daripada senarai kabinet alaf haru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, kedua-dua pemimpin itu telah memaklumkan hasrat mereka itu kepadanya.

‘Dr. Sulaiman dan Peter Tinggom telah menyatakan bahawa mereka tidak mahu dilantik semula dan menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk melantik calon sesuai bagi menggantikan tempat mereka,’ kata Taib.

Beliau menjelaskan tentang se-

hab pengguguran kedua-dua pemimpin itu kepada pemherita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-18 Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) di ibu pejabat parti itu di sini, hari ini.

Dalam senarai kabinet lama, Dr. Sulaiman ialah Menteri Pertanian manakala Peter Tinggom pula Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pemhangunan Masyarakat.

Dalam pada itu, Ketua Menteri mengesahkan bahawa Ahli Parlimen Betong, Datuk Douglas Unggah Embas turut dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jahatan Perdana Menteri (JPM).

‘Saya menerima panggilan telefon dari Kuala Lumpur pagi ini

untuk memberitahu perkara tersebut. Ada sedikit kesilapan,’ jelasnya.

Sebelum ini, Douglas merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar dan calon tunggal yang menang tanpa bertanding bagi kerusi Parlimen pada pilihan raya umum haru-haru ini.

Sementara itu, Taib turut membayangkan kemungkinan akan melakukan rombakan kecil pada kabinet negeri tidak lama lagi.

‘Bagaimanapun saya fikir, rombakan kecil ini perlu mengambil masa dan dilakukan dengan berhati-hati.